


Kod Amalan Kebajikan Haiwan (untuk Pemilik Haiwan Peliharaan) menetapkan Piawaian Minima dan menerangkan tanggungjawab-tanggungjawab pemilik haiwan peliharaan untuk membantu anda memahami bagaimana anda boleh berikan kehidupan yang baik dan selesa untuk haiwan peliharaan anda.


Melainkan dinyatakan sebaliknya, Piawaian Minima berikut dikenakan bagi semua haiwan peliharaan.

1 TANGGUNGJAWAB PEMILIK HAIWAN PELIHARAAN

- Anda tidak boleh meninggalkan haiwan peliharaan anda di mana-mana tempat tanpa membuat aturan yang munasabah bagi penjagaannya terlebih dahulu.



- Tutup pintu dan pagar anda untuk memastikan haiwan peliharaan anda tidak terlepas.



- Jika haiwan peliharaan anda hilang, anda perlu mengambil langkah-langkah untuk mencarinya seperti

- Membuat laporan kehilangan haiwan peliharaan dengan Polis atau AVA
- Mengeluarkan iklan 'kehilangan haiwan peliharaan'
- Mendapatkan bantuan jiran-jiran dan kumpulan kebajikan haiwan



2 PENEMPATAN HAIWAN DAN PERSEKITARAN

2 PENEMPATAN HAIWAN DAN PERSEKITARAN

PERSEKITARAN

- Haiwan peliharaan anda memerlukan persekitaran yang selamat, mempunyai pengudaraan yang baik, selesa dan bersih.



- Ia tidak boleh terdedah kepada bunyi bising yang berlebihan, cahaya matahari, haba, kelembapan atau angin kencang.

PENEMPATAN

- Haiwan peliharaan anda perlu disimpan di tempat yang cukup besar supaya ia boleh bergerak dengan selesa. Kawasan ini juga hendaklah bebas daripada halangan dan objek tajam.



- Haiwan peliharaan yang tidak serasi perlu ditempatkan secara berasingan, walaupun mereka dari spesies yang sama.



- Pastikan bekas makanan dan air diletakkan di tempat yang tidak boleh dicemari oleh najis haiwan peliharaan anda.



TERLALU DEKAT!

PASIR KUCING

TEMPAT BEREHAT TEMPAT BERMAIN

- BURUNG**
Sangkar burung harus cukup besar supaya ekor dan sayap haiwan peliharaan anda tidak menyentuh bahagian tepi sangkar apabila sayapnya berkembang. Tempat bertenggek harus sesuai dari segi saiz, ukuran dan bahan untuk cengkaman yang selesa. Oleh kerana beberapa burung seperti burung kakak tua gemar mengungkap dawai sangkar, pastikan sangkar diperbuat daripada bahan yang selamat dan tidak toksik.

- Sediakan kotak sarang dan tempat-tempat persembunyian untuk burung yang disimpan di dalam aviari. Bagi burung yang disimpan di dalam sangkar, sehelai kain harus menutupi sangkar pada waktu malam agar burung boleh berehat dan berasa selamat.

- Penambatan bermakna mengikat haiwan peliharaan anda dengan rantai, cawak, pengikat, penambat atau tali untuk menyekat pergerakannya.
- Jika haiwan peliharaan anda ditambat, peralatan yang digunakan, kawasan dan cara ia ditambat harus selamat dan selesa.
- Penambat harus diikat kepada objek kukuh yang tidak akan bergerak, jatuh atau menyakiti haiwan peliharaan anda. Rantai pencekik tidak seharusnya digunakan untuk penambatan.

- Penambat tidak seharusnya menyebabkan haiwan peliharaan anda tersangkut atau tercekik. Untuk anjing, penambat hendaklah sekurang-kurangnya dua kali lebih panjang dari anjing (dari hidung ke ekor), dan titik tambat haruslah cukup rendah supaya anjing boleh baring dengan selesa.

- Untuk burung, penambat harus cukup panjang untuk membolehkannya bergerak dengan selesa.

- ANJING DAN KUCING**
Berikan haiwan peliharaan anda ruang yang ditetapkan untuk berehat, makan, bersenam dan meneroka. Ia juga perlu mempunyai akses kepada tempat yang berasingan dari kawasan rehatnya yang ia boleh gunakan sebagai kawasan tandas. Kucing yang disimpan dalam sangkar harus dikeluarkan untuk senaman di bawah penyeliaan anda setiap hari.

- ARNAB, TIKUS BELANDA, GERBIL, HAMSTER DAN CINCILA**
Selain daripada tempat tidur yang bersih dan kering, haiwan peliharaan anda juga perlu diberikan tempat yang ditetapkan untuk berehat, makan, bersenam dan meneroka.

- PERAMBATAN**

- Rantai pencekik adalah gelang selanjutnya yang dilingkar menggunakan tali yang sama untuk membentuk kolar pada hujungnya. Ia diletakkan di leher atau belakang telinga anjing. Rantai pencekik boleh mengetat pada leher anjing anda dan menyebakkannya tercekik. Oleh itu, ia hanya boleh digunakan di bawah pengawasan.

3 PENGURUSAN DAN PENJAGAAN HAIWAN

3 DIET DAN PEMAKANAN



DIET DAN PEMAKANAN

- Sediakan diet yang seimbang dan berkhasiat dengan bahagian yang mencukupi dalam jarak waktu yang tetap.
- Air minuman yang bersih perlu sentiasa tersedia.



PENJAGAAN KESIHATAN

- Perhatikan haiwan peliharaan anda setiap hari dan dapatkan rawatan veterinar dengan segera jika anda dapat tanda-tanda kecederaan atau penyakit.

AKTIVITI UNTUK MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN

- Pastikan haiwan peliharaan anda dapat bersenam dengan kerap dan berinteraksi (sebagaimana yang sesuai untuk spesies dan kesihatannya).



- Elakkan daripada menggunakan kaedah latihan dan alat pembantu dengan cara yang boleh menyebabkan kesakitan atau penganiayaan.

PENGENDALIAN DAN PENGANGKUTAN

- Haiwan peliharaan anda harus dikendalikan atau diangkut dengan cara yang tidak akan menyebabkan kecederaan atau penderitaan. Pengangkutan perlu selesa, selamat dan ditutup dengan betul.



- Jika anda menggunakan sangkar atau pengangkut, pastikan bahawa haiwan peliharaan anda dapat berdiri, berpusing dan berbaring dengan selesa.



- Haiwan peliharaan anda tidak boleh diangkut di dalam but kereta atau ruang-ruang tertutup dengan pengudaraan yang kurang baik. Ia juga tidak boleh ditinggalkan tanpa pengawasan dalam kenderaan.



- Dalam perjalanan, pastikan haiwan peliharaan anda selamat dari risiko jatuh dari kenderaan. Jika dibawa di dalam kenderaan dengan bumbung terbuka, pastikan ia tidak terdedah kepada hujan, angin dan matahari yang berlebihan.

PENJAGAAN HAIWAN BUNTING DAN ANAK HAIWAN

- Dapatkan perhatian veterinar untuk haiwan peliharaan anda yang bunting jika ia mengalami kesukaran melahirkan.



- Selepas melahirkan anak, persekitaran yang selamat dan selesa perlu disediakan untuk ibu haiwan dan anaknya.



PENJAGAAN KHAS (MEMOTONG BULU PELEPAH SAYAP)

- Bulu pelepah sayap dipotong untuk mengurangkan keupayaan burung untuk terbang.
- Pemotongan bulu pelepah sayap, jika dilakukan, tidak seharusnya menimbulkan tekanan dan kemudaran pada burung peliharaan anda.



PENJAGAAN KHAS (ANJING BERBAKA IKLIM SEJUK)

- Anjing berbaka iklim sejuk harus disediakan dengan teduh yang mencukupi, udara kipas atau penghawa dingin untuk menyekatnya. Jangan biarkan mereka melakukan aktiviti fizikal dalam cuaca panas, dan dandan bulunya dengan kerap untuk mengelakkan pengumpulan bulu yang telah mati.

